

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa

1. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul ada ruang jawapan yang disediakan.

Makanan tradisional merujuk hidangan dan resepi yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. Makanan tradisional ini merupakan sebahagian daripada warisan budaya yang mencerminkan identiti dan kepelbagaian etnik di Malaysia. Tamsilnya, pada musim perayaan tidak kira perayaan kaum Melayu, India, mahupun Cina, pelbagai hidangan tradisional seperti lemang, rendang, wade, thosai, dan kuih bakul dapat kita nikmati di rumah-rumah terbuka yang diadakan. Keunikan ini hanya dimiliki oleh masyarakat Malaysia yang tinggal di bawah satu bumbung.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Murid-murid berkumpul di tapak perhimpunan untuk mendengar pengumuman penting dari pengetua.

(ii) Penempatan terawal British di Malaysia bermula dengan pendudukan mereka di Pulau Balambangan pada tahun 1769.

[2 markah]

3. Baca arahan dengan telitinya dan jawab semua soalan yang diberikan.

Nyatakan pola ayat dasar bagi setiap ayat di bawah ini sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA), dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

BIL	AYAT	POLA AYAT
(i)	Ammar dan rakan-rakannya ke Muzium Negara.	
(ii)	Amalina tidur setelah pulang dari sekolah.	
(iii)	Aleeya gemar akan masakan yang pedas-pedas.	
(iv)	Bendera itu bendera negara Vietnam.	

[4 markah]

4. Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya.

Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

[2 markah]